

# MODAL INSAN KOPERASI : INOVASI DAN TRANSFORMASI MEMPERKASA SEKTOR KOPERASI

Norshuhadah Abd Malik  
Pusat Keusahawanan Koperasi dan Peruncitan

## Pengenalan

### Inovasi

Perkataan inovasi amat berkait rapat dengan kreatif dan transformasi. Mengikut kamus dewan edisi empat, 'inovasi' ditakrifkan sebagai sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat dan lain-lain. 'Kreatif' pula membawa maksud mempunyai kebolehan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli manakala transformasi membawa maksud perubahan rupa, bentuk, sifat, keadaan dan lain-lain. Bagaimanapun, kebanyakan orang beranggapan inovasi adalah pembangunan teknologi baru atau aplikasi sesuatu teknologi dalam kegunaan tertentu sahaja.

Keperluan inovasi meliputi semua aspek seperti pengeluaran produk, perkhidmatan, teknologi, atau idea-idea yang sedia ada di pasaran, kerajaan, dan masyarakat. Justeru, inovasi bukan hanya tertumpu kepada perkembangan teknologi semata-mata namun ia merupakan pembangunan nilai-nilai baru untuk memenuhi keperluan dan kehendak masa kini melalui penghasilan produk, perkhidmatan dan idea-idea baru.

Melihat kepada kepentingan inovasi dalam memberi sumbangan kepada peningkatan ekonomi dalam sesebuah negara, koperasi harus mengambil langkah bijak menyahut cabaran melakukan inovasi dalam koperasi melalui kreativiti dan melangkah untuk melakukan transformasi bagi kemajuan koperasi bersesuaian dengan sasaran menjadi penyumbang 15 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) untuk sektor koperasi menjelang Wawasan 2020.

Inovasi dan kreativiti dalam sesebuah koperasi penting bagi meningkatkan daya saing dalam cabaran yang kompleks berikutan perubahan sosial dan ekonomi dunia. Berikutan perubahan persekitaran yang semakin moden, menuntut koperasi di Malaysia menghasilkan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif dalam penghasilan sesuatu perkhidmatan. Keperluan kepada inovasi tersebut untuk memenuhi jangkaan dan kemahuan pelanggan serta ahli-ahli koperasi.

### Modal Insan

#### Apakah yang dimaksudkan dengan modal insan?

Di negara barat, secara umumnya modal insan didefinisikan sebagai suatu cara untuk mengenal dan mengkategorikan kemahiran dan kebolehan orang yang digunakan dalam proses pengambilan pekerja dan dalam hal-hal lain. Pada

akhirnya, kebolehan dan kemahiran yang diambil kira dapat membawa sumbangan kepada pembangunan negara. Menurut perspektif barat, fokus diberikan dalam pembangunan sumber manusia dari sudut pengetahuan dan kemahiran tertentu yang dapat memberi pulangan kepada ekonomi sesebuah organisasi atau masyarakat.

Sebaliknya, Islam sudah lama membangunkan kualiti insan itu sendiri. "Modal insan" ini dalam perspektif Islam secara umumnya, ia dilihat tidak sekadar mementingkan aspek pembangunan intelektual dan emosional malahan melibatkan pembangunan spiritual. Islam melihat modal insan sebagai suatu konsep yang amat luas dan lebih terperinci tanpa terdapat lompong-lompong yang tidak diuraikan. Kepentingan modal insan dijelaskan dalam Islam melalui pengertian yang komprehensif dan menyeluruh dari semua aspek.



**Konvokesyen MKM - UUM yang ke-26 di Universiti Utara Malaysia, Sintok**

Sejak Pesuruh Allah iaitu junjungan mulia kita nabi Muhammad saw diutus bagi menyempurnakan akhlak manusia. Hal ini termasuklah keutamaan dalam membentuk dan melahirkan umat yang terbaik (khairah ummah). Buktinya boleh kita melihat kepada sumbangan ilmuan-ilmuan Islam dalam membina tamadun yang gemilang serta penyebaran ilmu pengetahuan ketika Eropah mengalami zaman gelap (dark ages). Sehingga rahmat Islam turut dirasakan seluruh alam ini termasuklah orang Islam dan bukan Islam juga.

Menurut Gary S. Becker, merupakan sarjana dalam bidang ekonomi menekankan perbelanjaan terhadap pendidikan, latihan, penjagaan kesihatan dan banyak lagi merupakan suatu pelaburan terhadap modal insan. Mereka menggelar modal insan kerana manusia tidak boleh dipisahkan dengan pengetahuan, kemahiran, kesihatan atau nilai merupakan jalan memisahkan daripada kewangan dan aset tetap. Istilah modal insan atau *human capital* telah digunakan oleh sarjana pengurusan merujuk kepada elemen kunci memperbaiki aset organisasi dan pekerja untuk meningkatkan produktiviti bagi memperoleh kelebihan bersaing (Becker, 1964; Schultz, 1971).

### **Pembangunan Modal Insan**

Di sinilah peranan modal insan memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan inovasi bagi

kelancaran transformasi negara. Modal insan merupakan individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Cetusan revolusi idea pembangunan modal insan telah dilahirkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia ke lima iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Abdul Rahman Ahmad (2006) dalam bukunya *Pembangunan Modal Insan: Apa Dan Kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi di Malaysia*, terdapat lima aspek yang mencirikan modal insan iaitu;

1. Modal insan tidak boleh diperdagangkan. Ia berupa pengetahuan dan kemahiran yang menjadi hak milik individu yang diperolehi di atas keupayaan diri.
2. Setiap individu tidak mempunyai cara yang sama dalam membangunkan modal insan. Terdapat individu yang berupaya mempunyai keupayaan diri seawal usia mudanya tetapi terdapat juga individu yang membina keupayaan di usia lanjut.
3. Modal insan dapat dilihat dari aspek kualiti dan kuantiti. Seseorang individu dari sebuah universiti yang sama mungkin mempunyai kualiti dan kuantiti yang berbeza berdasarkan keupayaan dirinya.

4. Modal insan boleh bersifat khusus atau umum iaitu boleh digunakan secara khusus untuk seorang individu sahaja atau boleh digunakan secara bersama.
5. Modal insan dipengaruhi oleh aspek luaran iaitu persekitaran dan ikatan sosial. Ia memainkan peranan penting dalam menentukan tahap modal insan yang dimiliki oleh seseorang individu

Hal ini membuktikan perbezaan antara modal insan dan modal fizikal. Modal fizikal boleh dilihat, dipegang dan dipindahkan tetapi modal insan terdapat dalam diri manusia. Modal insan boleh meningkat melalui proses pendidikan dan latihan. Nilai pada diri seseorang akan meningkat jika dia memanfaatkan perkembangan teknologi dan perkembangan baru. Walau bagaimanapun, jika seseorang itu hanya bergantung kepada pendidikan pertama yang diterima maka tiada penambahbaikan kepada nilai dirinya.

Elemen modal insan ini merupakan salah satu faktor penggerak kepada inovasi. Kenapa perlu digunakan istilah modal insan? Istilah 'modal insan' itu sendiri digunakan untuk menunjukkan bahawa jati diri yang mewakili (manusia) dan menjadi sumber kepuasan dan pulangan keuntungan akan datang. Maka, manusia yang menjadi sumber iaitu modal perlu dilaburkan dan dibangunkan untuk mengaut keuntungan.

Menyedari kepentingan modal insan, negara-negara maju dan moden berusaha gigih memberi penekanan kepada modal insan. Contohnya, Negara Jepun bekerja keras memperkenalkan teknologi untuk mengindustrikan ekonomi. Hal ini membuktikan bahawa melalui pembangunan modal insan iaitu pendidikan dan latihan boleh menjadi penggerak kepada inovasi seterusnya membawa kepada pembangunan negara. Begitu juga dengan Negara Korea yang menunjukkan pembangunan yang pesat akhir 11 tahun kebelakangan ini hasil kesedaran pembangunan modal insan.

### Pembangunan Modal Insan dalam Koperasi

Dalam konteks koperasi, kelebihan modal insan ini dilihat begitu rancak berkembang berdasarkan statistik pertumbuhan koperasi baru dan

peningkatan ahli-ahli koperasi saban tahun. Jadual 1 menunjukkan bilangan koperasi mengikut negeri dan kluster pada 31 Disember 2011, Jadual 2 pula menunjukkan pertumbuhan koperasi, keanggotaan, modal syer, nilai aset dan perolehan dari tahun 2005 hingga 2009.

Berdasarkan Jadual 1 dan Jadual 2, penambahan bilangan koperasi dan juga ahli-ahli koperasi meningkat dari semasa ke semasa.

Dalam Jadual 1, menunjukkan bilangan koperasi sehingga hujung tahun 2011. Bilangan koperasi dalam jadual tersebut dibahagikan kepada beberapa kluster iaitu koperasi besar, sederhana, kecil dan koperasi mikro. Jumlah keseluruhan koperasi di Malaysia sehingga Disember 2011 berjumlah 9074 buah koperasi. Dalam Jadual 2 pula, menunjukkan pertambahan bilangan anggota iaitu 6.78 juta orang sehingga tahun 2009.

Berdasarkan statistik di atas, dapat disimpulkan bahawa modal insan dalam koperasi meningkat saban tahun sejajar dengan peningkatan bilangan koperasi. Namun apa yang menjadi persoalan sekarang adalah, adakah modal insan ini dibangunkan dan digembleng untuk peningkatan sektor koperasi dan menyumbang kepada ekonomi negara?

### Peranan Pembangunan Modal Insan dalam Inovasi Koperasi

Pembangunan sering dinilai dari kemajuan dalam aspek fizikal dan jasmani seperti pembinaan bangunan mencakar langit, penekanan keterlaluan kepada sains dan teknologi dan beberapa hal lain yang hanya mementingkan zahariah semata-mata. Hal ini membuatkan kemajuan sesebuah negara menjadi tidak seimbang kerana tidak dikaitkan dengan perancang, pembina, penggerak

**Jadual 1: Bilangan Koperasi Mengikut Negeri Dan Kluster Pada 31 Disember 2011**

BIL.	NEGERI	BESAR		SEDERHANA		KECIL		MIKRO	
		BIL. KOP.	PEROLEHAN	BIL. KOP.	PEROLEHAN	BIL. KOP.	PEROLEHAN	BIL. KOP.	PEROLEHAN
			(RM)		(RM)		(RM)		(RM)
1	JOHOR	18	249,255,031	64	123,975,636	126	54,961,522	669	28,981,203
2	KEDAH	7	124,269,796	25	48,661,787	83	35,404,266	626	21,478,422
3	KELANTAN	13	193,111,337	28	64,875,810	65	25,685,622	494	16,535,821
4	MELAKA	1	9,744,422	5	11,858,882	47	20,148,375	281	10,339,791
5	N. SEMBILAN	1	13,111,137	14	26,578,168	50	20,755,457	435	16,327,885
6	PAHANG	21	402,861,269	78	162,504,349	84	40,033,566	497	18,706,163
7	PERAK	12	119,736,081	39	75,772,389	107	48,657,609	748	29,496,985
8	PERLIS	3	23,281,015	5	10,661,204	22	8,730,751	116	5,521,230
9	P. PINANG	8	160,754,245	14	21,117,730	48	21,444,875	482	15,872,252
10	SABAH	9	155,446,728	33	62,384,033	55	24,203,203	747	18,263,556
11	SARAWAK	5	51,259,748	12	18,834,125	90	30,334,901	660	19,300,969
12	SELANGOR	9	158,594,806	26	70,161,688	101	40,302,412	825	23,485,830
13	TERENGGANU	14	125,717,282	30	63,278,515	79	31,748,551	368	14,073,081
14	WILAYAH PERSEKUTUAN	35	14,541,713,465	52	113,058,125	70	33,269,349	516	13,933,691
15	IBU PEJABAT	2	5,197,680,185	0	-	0	-	0	-
<b>JUMLAH</b>		<b>158</b>	<b>21,526,536,548</b>	<b>425</b>	<b>873,722,441</b>	<b>1,027</b>	<b>435,680,457</b>	<b>7,464</b>	<b>252,316,877</b>

dan pelaksana kepada pembangunan tersebut sedangkan inilah aspek yang perlu diletakkan sebagai keutamaan.

Dalam konteks koperasi, peranan koperasi itu sendiri dimainkan oleh penggerak sesebuah koperasi yang terdiri daripada ahli lembaga koperasi dan ahli-ahlinya. Inilah yang dikatakan sebagai modal insan dalam sesebuah organisasi. Namun adakah modal insan yang dimiliki koperasi ini cukup memiliki kebolehan dan mampu membawa koperasi di Malaysia ke mata dunia?

Saban tahun koperasi menunjukkan peningkatan dari segi bilangan koperasi dan pertambahan anggota, namun adakah jumlah besar yang semakin meningkat ini bergerak seiring bersama perkembangan koperasi. Jika dilihat secara kasar percambahan bilangan koperasi tidak seiring dengan sumbangan koperasi di mana hanya koperasi besar yang menonjol dan menyumbang sebahagian besar kepada perolehan sektor koperasi. Oleh itu, modal insan tidak boleh diukur melalui aspek zahiriah semata-mata. Semakin meningkat jumlah bilangan koperasi dan pertambahan ahli-ahli koperasi tidak membawa bermaksud sektor koperasi semakin berkembang dan berjaya tetapi kualiti yang terdapat dalam sesebuah koperasi itu yang diambil kita sebagai modal insan.

Jika modal insan yang dilahirkan tanpa mengambil berat akan kualiti ia akan melibatkan segala rancangan kerajaan



untuk koperasi akan tergendala. Namun tidak sukar untuk memperoleh kualiti dalam membina modal insan yang mampu membawa inovasi untuk koperasi melakukan transformasi. Ilmu pengetahuan mampu menjadi resipi untuk memperhebat kualiti modal insan. Menerusi ilmu pengetahuan, gerakan koperasi mampu membina modal insan yang mampu mengetengahkan peranan koperasi setanding koperasi-koperasi di luar negara seperti di China dan Vietnam.

Modal insan kelas pertama yang dilahirkan koperasi dengan berbekalkan ilmu pengetahuan koperasi dapat membawa sektor koperasi ke arah yang lebih memberangsangkan dan menyumbang kepada kemajuan. Justeru,

idea-idea yang hebat dapat dilahirkan untuk menjana inovasi yang kreatif menjadi kunci sukses kepada Gerakan Koperasi.

### Maktab Koperasi Malaysia dan Pembangunan Modal Insan

Pembangunan modal insan boleh menjadi penggerak kepada inovasi sesebuah koperasi. Melalui ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang digembleng daripada manusia menjadi sumber modal bagi pembangunan koperasi. Hampir 7 juta orang ahli koperasi yang dicatatkan sehingga tahun 2009, ahli-ahli koperasi ini merupakan modal insan kepada gerakan koperasi.

**Jadual 2 : Pertumbuhan Koperasi, Keanggotaan, Modal Syer, Nilai Aset Dan Perolehan (2005 – 2009)**

TAHUN	BILANGAN KOPERASI	BILANGAN ANGGOTA (juta orang)	MODAL SYER (RM bilion)	ASET (RM bilion)	PEROLEHAN (RM bilion)
2005	4,771	5.69	6.85	34.87	4.60
2006	4,918	5.87	7.29	37.47	5.10
2007	5,170	6.32	7.79	47.40	6.10
2008	6,084	6.51	8.42	55.73	7.75
2009	7,215	6.78	8.97	65.00	8.92

Sumber: SKM

Bagi memastikan gerakan koperasi mendapat latihan yang secukupnya, sebuah institusi yang diberi nama Maktab Koperasi Malaysia telah ditubuhkan khusus untuk memberi latihan modal insan koperasi. Pelbagai latihan dari bidang yang berbeza ditawarkan kepada ahli koperasi bagi tujuan pembangunan modal insan khas untuk gerakan koperasi. Bidang-bidang utama yang ditawarkan sebagai medium pembangunan modal insan adalah seperti bidang pengurusan perniagaan, perakaunan, perundangan dan juga teknologi maklumat.

Saban tahun Maktab Koperasi Malaysia telah merangka pelbagai kursus khas untuk disertai oleh ahli-ahli koperasi. Dari data yang diperoleh dari tahun 2009 hingga 2012, setiap tahun kursus yang ditawarkan bertambah seiring dengan pertambahan penyertaan dari ahli-ahli kursus. Pada tahun 2009 sebanyak 388 kursus telah berjaya dijalankan dengan catatan 21, 449 koperator yang menyertai dan jumlah kursus sehingga tahun 2012 telah meningkat kepada 564 kursus dengan jumlah 27, 910 orang koperator telah menyertai kursus yang dianjurkan.

Kursus-kursus yang dianjurkan di Maktab Koperasi Malaysia meliputi bidang-bidang seperti perniagaan, teknologi maklumat, undang-undang dan perakaunan. Jika diambil kira bidang-bidang yang ditawarkan oleh Maktab Koperasi Malaysia, meliputi semua aspek dengan pertambahan



Sesi soal jawab oleh peserta program CEO TALK 2013 di Shah Alam Convention Centre (SACC)

seminar-seminar dan konvensyen diisi dengan tajuk serta para pembentang yang handal dianjurkan hampir setiap tahun.

### Generasi Muda Koperasi sebagai Modal Insan Kelas Pertama

Menyedari kurangnya minat generasi muda negara ini dan kepentingan penglibatan mereka dalam sektor koperasi, Maktab Koperasi Malaysia tidak hanya menumpukan latihan jangka pendek kepada ahli-ahli koperasi, ia juga memberi peluang kepada generasi muda yang merupakan anak-anak koperator untuk menyambung pengajian dan

diberikan pendedahan dari awal lagi mengenai dunia koperasi. Hal ini adalah kerana generasi muda merupakan antara entiti terpenting dalam sesebuah negara yang memerlukan pengganti berkualiti.

Sebagai tarikan untuk golongan muda menceburi sektor koperasi, Maktab Koperasi Malaysia menawarkan program-program jangka panjang seperti sijil, diploma dan ijazah dengan kerjasama dari universiti ternama seperti Universiti Utara Malaysia dan beberapa lagi universiti lain yang masih dalam perancangan. Terdapat program-program yang dianjurkan secara pengajian jarak jauh untuk menggalakkan anggota yang telah bekerja menyambung pengajian sambil bekerja. Sehingga kini, program yang ditawarkan lebih kepada pengurusan perniagaan dan memfokuskan kepada pengurusan koperasi.

Namun usaha tersebut dilihat tidak mencukupi dan langkah yang lebih besar perlu dilaksanakan bagi melahirkan generasi muda koperasi kelas pertama. Sebagai menyahut cabaran tersebut, setelah hampir 56 tahun bertapak di Malaysia dan memberikan latihan kepada koperator, Maktab Koperasi Malaysia mara selangkah lagi dengan penubuhan Institut Koperasi Malaysia (iCoop) melalui MKM Holding. iCoop yang dirancang dan telah dijalankan pada Oktober 2013 memfokuskan kepada generasi muda koperasi. Melalui penubuhan iCoop, anak-anak koperator



Sekadar gambar hiasan

yang terpilih untuk menyambung pengajian diasah dan digilap dari awal mengenai selok-belok pentadbiran, pengurusan, perkembangan, nilai-nilai dan prinsip-prinsip sektor koperasi agar menjadi modal insan yang berilmu pengetahuan, cekap mengurus dan mampu memimpin koperasi ke tahap yang lebih membanggakan pada masa akan datang.

Langkah Maktab Koperasi Malaysia tidak terhenti dengan penubuhan Institut Koperasi Malaysia sahaja namun langkah tersebut dipanjangkan lagi dengan perancangan penubuhan Universiti Koperasi Malaysia iaitu (UkoM) menjelang tahun 2014 yang merupakan universiti Koperasi pertama di Malaysia mengambil buah fikiran salah satu Universiti Koperasi di Korea Selatan.

Penubuhan universiti koperasi dilihat sebagai salah satu rangka untuk merencanakan aktiviti latihan dan pendidikan di mana universiti sering kali ditafsirkan sebagai institusi pendidikan yang kaya dengan khazanah keilmuan dan sarat dengan pembudayaan ilmu seperti membaca, menulis, berfikir,

menyelidik, berhujah dan seumpamanya. Universiti juga merupakan tempat berkumpulnya ribuan sarjana, ilmuwan dalam kepelbagaian bidang yang diceburi. Sesuai dengan fungsi utama Universiti sebagai medan pemindahan ilmu, penyumbang ilmu dan penggunaan ilmu, universiti koperasi diharap dapat melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan yang hebat dalam bidang koperasi.

### Kesimpulan

Pemeriksaan budaya berilmu dianggap sebagai cara untuk memperkasa modal insan yang patut diteruskan tanpa mengenal rasa penat membanting tulang. Terdapat para ulama yang meninggal sewaktu bukannya masih di sisinya dan ada juga yang sudah nazak namun masih lagi menyuruh pembantu atau rakannya mengambil alat tulis kerana ingin menulis idea yang muncul ketika itu. Komitmen mereka terhadap ilmu dan keilmuan amat mengagumkan. Ilmu ibarat cahaya yang menerangi kegelapan malam. Kegelapan atau kemalapan lambang kejahilan yang

menjadi musuh masyarakat, negara dan agama.

Harapan menggembelng sepenuhnya modal insan atau sumber manusia tentu tidak kesampaian jika elemen keilmuan diabaikan dan tidak menjadi sebagai faktor utama dalam membina tamadun kemanusiaan yang berasaskan nilai-nilai murni. Menurut Imam Ghazali, tanpa ilmu manusia dalam keadaan tanpa pakaian. Manusia sebegini sepatutnya harus malu dengan sikap sendiri. Sikap tidak mementingkan modal insan, bahkan yang lebih teruk, bersikap endah tidak endah dengan budaya keilmuan.

Seharusnya, koperasi memandang serius perihal memperkasa modal insan melalui ilmu pengetahuan dan mempraktikkan segala ilmu yang berguna untuk kemajuan gerakan koperasi. Maktab Koperasi Malaysia dalam langkah memperkasa anggota koperasi dan generasi muda koperasi membawa sektor koperasi ke satu tahap yang boleh membanggakan negara dan menjadi salah satu sektor penting dalam pembangunan bangsa dan negara.

### Rujukan

- Abdul Rahman Ahmad. (2006). *Pembangunan modal insan : apa dan kenapa perlu dalam konteks organisasi di Malaysia*.
- Gary S. Becker (1964, 1993, 3rd ed.). *Human capital : a theoretical and empirical analysis, with special reference to education*. Chicago, University of Chicago Press.
- Hermawan; Karung Mutiara, Jitet Koestana (1997). *Al-Ghazali*. Kepustakaan Populer Gramedia. hlm. vii.
- Maktab Koperasi Malaysia. Akademik. Dicapai pada Okt 5, 2013 daripada <http://www.mkm.edu.my>
- Schultz, T.W. (1971). *Investment in human capital*. New York: Free Press.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2011). *Statistik gerakan koperasi*. Dicapai pada Okt 2, 2013 daripada <http://www.skm.gov.my>
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2010). *Dasar Koperasi Negara*. Dicapai pada Okt 2, 2013 daripada <http://www.skm.gov.my>